

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jenis bantuan yang disalurkan kepada masyarakat Orang Asli sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan jumlah perkampungan Orang Asli dan penduduk yang menerima bantuan di seluruh negara serta peruntukan yang terlibat. Apakah masalah yang dihadapi semasa pengagihan bantuan dilakukan.

**JAWAPAN**

**Untuk makluman Yang Berhormat,**

Bantuan yang telah disalurkan kepada masyarakat Orang Asli yang terjejas semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan pandemik Covid-19 adalah merangkumi bantuan asas bakul makanan dan sabun antibakteria bagi setiap keluarga, susu tepung kepada anak-anak Orang Asli, serta pelitup muka dan cecair sanitasi kepada Tok Batin dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) yang terlibat dengan pengagihan bantuan bagi mencegah penularan Covid-19. Keseluruhan jumlah bantuan ini adalah sebanyak **RM20.9 juta** yang melibatkan seramai **391,357** penerima manfaat.

## NO. SOALAN : 496

Pihak Kementerian menerusi JAKOA telah melaksanakan bantuan sepanjang tempoh PKP yang merangkumi tiga (3) fasa mulai bulan Mac hingga Mei 2020.

Di antara masalah yang dihadapi seperti berikut:

- a) Keperluan agihan bantuan bakul makanan tidak mencukupi kerana pertambahan KIR terutama yang baru berkahwin dan anak-anak balik ke kampung dan tidak dapat balik ke rumah kediaman mereka disebabkan oleh PKP.
- b) Jalan laluan pembalakan tidak dapat dilalui dengan lori tetapi perlu menggunakan kenderaan 4 x 4 dengan jumlah yang banyak dan memakan masa jika perlu ke suatu lokasi pedalaman. Ini berlaku di Kelantan sebagai contohnya.
- c) Kehabisan bekalan dari sumber pembekal pada peringkat awal pembekalan disebabkan keperluan mendesak oleh semua agensi dan badan bukan kerajaan dalam memberi bantuan.
- d) KIR tidak memberikan kerjasama sewaktu bancian sedang dijalankan yang mengakibatkan kesalahan pengisian maklumat KIR.

Walau bagaimanapun, atas kerjasama JAKOA peringkat negeri dan daerah serta pelbagai agensi semua masalah tadi dapat diselesaikan dengan baik.

Sekian, terima kasih.